

04/07/2001

Kedudukan Yong ditentu pada hari penamaan

KOTA KINABALU, Selasa - Persoalan sama ada Datuk Yong Teck Lee boleh bertanding semula mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Likas, hanya dapat diketahui pada hari penamaan calon, 12 Julai ini.

Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), Datuk Wan Ahmad Wan Omar, berkata ini kerana pihaknya tidak mengetahui siapa yang mungkin dicalonkan oleh parti politik untuk bertanding.

"SPR hanya akan memutuskan kelayakan seseorang calon itu pada hari penamaan calon. Pada masa ini saya tidak boleh komen. Ia tidak adil kepada parti politik kerana merekalah menentukan calon masing-masing.

"Setiap parti politik mempunyai penasihat undang-undang berhubung pemilihan calon mereka," katanya menjawab soalan pemberita selepas mengadakan mesyuarat persiapan pilihan raya kecil itu dengan semua jabatan dan agensi kerajaan, di pejabat SPR Sabah di Bangunan Persekutuan, di sini petang ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada Yong boleh bertanding semula di Likas, berikutan mahkamah hanya mengisytiharkan keputusan pilihan raya negeri 1999 bagi kawasan itu sebagai tidak sah dan terbatal, tetapi tidak menjatuhkan hukuman kepadanya.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Yong masih layak bertanding (dalam pilihan raya kecil Likas) kerana keputusan mahkamah tidak mensabitkan bekas Ketua Menteri Sabah bersalah.

Wan Ahmad berkata, dalam membuat keputusan mengenai kelayakan seseorang calon untuk bertanding, SPR akan bersandarkan kepada nasihat perundangan daripada Jabatan Peguam Negara.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai nasihat dan pandangan Jabatan Peguam Negara berhubung kes Likas.

"Pada hari penamaan calon, SPR perlu menyemak beberapa perkara berkaitan calon termasuk dengan polis untuk menentukan sama ada terbabit jenayah dan Jabatan Pemegang Harta sama ada muflis," katanya.

(END)